

	<b>UNIVERSITI UTARA MALAYSIA</b> <b>MINIT MESYUARAT SENAT</b> <b>KALI KE-264</b> <b>BIL. 3/2016</b>	<b>TARIKH</b>	18 April 2016
		<b>MASA</b>	10.30 pagi
		<b>TEMPAT</b>	Bilik Mesyuarat Senat

**HADIR****PENGERUSI**

Y.Bhg. Prof. Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa bin Ishak  
Naib Canselor

**TIMBALAN NAIB CANSELOR**

Prof. Dr. Hassan bin Ali  
(Akademik dan Antarabangsa)

Prof. Madya Dr. Abdul Malek bin Abdul Karim  
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

**PENOLONG NAIB CANSELOR**

Prof. Dr. Norshuhada bt. Shiratuddin  
UUM College of Arts and Sciences

Prof. Dr. Rushami Zien bin Yusoff  
UUM College of Business

**DEKAN****UUM College of Arts and Sciences**

Prof. Madya Dr. Huda bt. Hj. Ibrahim  
Pusat Pengajian Pengkomputeran

Prof. Madya Dr. Sharipah Soaad bt. Syed Yahaya  
Pusat Pengajian Sains Kuantitatif

Prof. Madya Dr. Yahya bin Don  
Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden

Dr. Massudi bin Mahmuddin  
Pembangunan Pelajar dan Alumni

**2.7 KERTAS KERJA BIL. 55/2016 - CADANGAN SEMAKAN KURIKULUM PROGRAM DOKTOR PENTADBIRAN PERNIAGAAN**

Mesyuarat

- i. mengambil maklum:
  - a) tentang kertas kerja daripada Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business untuk memohon pertimbangan dan kelulusan Senat mengenai cadangan semakan kurikulum program Doktor Pentadbiran Perniagaan (*Doctor of Business Administration*) seperti yang dibentangkan;
  - b) bahawa Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB) ditubuhkan pada tahun 2011. Buat masa ini, terdapat dua program utama yang dikendalikan sepenuhnya oleh OYAGSB iaitu Master of Business Administration (MBA) dan Doctor of Business Administration (DBA). Sehingga Semester Kedua 2015/2016 (A152), bilangan pelajar bagi program DBA adalah seramai 468 orang;
  - c) bahawa selain daripada kedua-dua program ini, OYAGSB juga menguruskan pentadbiran lapan (8) program Pasca Siswazah secara mod kerja kursus dan lima belas (15) program mod penyelidikan yang ditawarkan oleh Kolej Perniagaan.
  - d) bahawa peringkat pengajian bagi program ini adalah Ijazah Kedoktoran. Program ini dikendalikan dalam dua mod iaitu secara sepenuh masa dan separuh masa;

- e) bahawa program DBA diluluskan oleh Senat Universiti Utara Malaysia pada Mesyuarat Senat Ke-173 Bil. 1/2004 pada 25/1/2004 dan mendapat kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi pada 31/1/2005 [surat KPT: KP.S(PT) 7312/1/Jld.25(44). Program ini telah disemak semula pada kali pertama pada tahun 2009 dan semakan kali kedua program ini akan mula dilaksanakan mulai Semester Pertama Sesi 2016/2017 (A161);
- f) bahawa jangkamasa Pengajian dan kaedah pembelajaran pengajaran adalah seperti berikut:
1. Struktur program DBA adalah secara mod campuran (mixed mode). Program ini dikendalikan secara sepenuh masa dan separuh masa di Kampus Sintok. Tempoh pengajian minimum adalah selama 5 semester bagi sepenuh masa dan 7 semester bagi separuh masa. Tempoh pengajian maksimum adalah 10 semester bagi sepenuh masa dan 14 semester bagi separuh masa. Bagi Pusat Luar Kampus (*tri-semester* setahun), hanya program separuh masa ditawarkan dengan tempoh minima pengajian 8 semester dan tempoh maksima adalah sebanyak 21 semester;
  2. Kaedah pengajaran bagi program adalah melalui kuliah, pembentangan, perbincangan kumpulan kecil, kajian kes, dan seminar;
- g) bahawa semakan semula program DBA telah dibuat pada tahun 2009 setelah mengambilkira garis panduan yang dikeluarkan oleh MQA yang mewajibkan program DBA yang ditawarkan oleh universiti tempatan perlu mengandungi sekurang-kurangnya 10 kursus (tidak termasuk disertasi). Semakan semula ini juga mengambilkira implikasi daripada kenaikan yuran pengajian program DBA bagi kampus luar daripada RM425/jam kepada RM625/jam;
- h) bahawa dalam semakan semula ini, struktur program DBA telah diubah menjadi 66 jam kredit dan terdapat beberapa kursus lama digugurkan dan diganti dengan kursus baru dan kursus yang dijenamakan semula. Kertas kerja semakan program ini telah mendapat kelulusan mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Akademik Universiti pada 16 Ogos 2009 dan seterusnya telah diluluskan oleh Senat Universiti pada Mesyuarat Senat bil ke 215/ bil 6 tahun 2009. Rujuk **Lampiran 5A** Perbandingan Struktur program asal DBA (2004) dengan Semakan Semula (2009);

- i) bahawa walau bagaimanapun, pada tahun 2013, pihak MQA telah mengeluarkan standard baru bagi penawaran program akademik yang menggariskan bahawa kredit minimum bagi program kedoktoran secara kerja kursus adalah 80 jam kredit dan nisbah komponen kerja kursus kepada penyelidikan adalah dalam nisbah 50:50 atau 40:60 atau 30:70 (Rujuk kepada Standard Program Pasca Siswazah MQA Pekeliling no1/2013);
- j) bahawa cadangan struktur baru program DBA (2016) ditunjukkan dalam **Lampiran 5B**. Perbandingan ringkas struktur program DBA UUM (sedia ada dan cadangan) ditunjukkan di **Lampiran 5C**. Silibus dan cadangan pengambilan kursus adalah seperti di Lampiran dalam portal Mesyuarat Senat dan **Lampiran 5D**. Jadual pemetaan matriks yang berkaitan dengan program DBA dilampirkan di Lampiran dalam portal Mesyuarat Senat;
- k) bahawa kertas cadangan semakan kurikulum ini telah dibentangkan dan disokong dalam Mesyuarat Jawatankuasa Ijazah Lanjutan (JIL) OYAGSB kali ke-43 Bil.2/2016 yang telah bermesyuarat pada 4 Februari 2016 dan Mesyuarat Jawatankuasa Ijazah Lanjutan Universiti Utara Malaysia (JILU) kali ke-191 Bil. 02/2016 pada 24 Februari 2016;
- l) bahawa semakan semula struktur Program DBA ini adalah bertepatan dengan keperluan dan kriteria yang perlu untuk mendapatkan pengiktirafan MQA. Maka dengan itu, tujuan semakan kurikulum program dilaksanakan adalah berdasarkan justifikasi berikut:
  - 1. Bagi memenuhi Standard Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF), struktur program DBA perlu memenuhi keperluan minimum yang ditetapkan oleh MQA iaitu perlu mengandungi sekurang-kurangnya 80 jam kredit dan nisbah komponen kerja kursus kepada disertasi/penyelidikan mestilah dalam sekurang-kurangnya 50:50 atau 40:60 atau 30:70;
  - 2. Program DBA sedia ada yang ditawarkan oleh OYAGSB perlu lebih kompetitif berbanding Program DBA yang ditawarkan oleh universiti tempatan lain khususnya dari segi bilangan jam kredit bergraduasi dan kursus yang ditawarkan;
  - 3. Pengenalan kepada kursus baharu dalam komponen penyelidikan (Research Methods) dan penambahan jam kredit komponen disertasi akan membantu para pelajar DBA menyiapkan disertasi dalam tempoh yang ditetapkan;

4. 24 jam kredit dalam komponen Disertasi yang ada dalam struktur semasa adalah tidak sepadan dengan beban dan masa yang diperlukan untuk pelajar menyiapkan Disertasi serta masa yang digunakan oleh penyelia untuk menyelia;
  5. Penawaran beberapa kursus baru dan semakan semula beberapa kursus sedia ada dalam struktur baru ini memberi ilmu pengetahuan baru kepada pelajar yang lebih relevan dan memenuhi keperluan industri semasa. Kursus baru yang ditawarkan adalah berdasarkan maklum balas yang diperolehi daripada tenaga pengajar, pakar rujuk dan pengamal industri;
  6. Penawaran program DBA yang kompetitif yang menawarkan kursus-kursus kontemporari dan seiring dengan perkembangan program DBA di Malaysia dan luar negara seperti, UK, Amerika Syarikat dan Australia;
- m) bahawa kemasukan ke program Ijazah Doktor Pentadbiran Perniagaan (DBA) UUM adalah berdasarkan kriteria berikut:
1. Ijazah Sarjana dari Universiti Utara Malaysia atau institusi pengajian tinggi lain atau kelayakan setara yang diiktiraf oleh Senat Universiti; DAN  
A Master's degree from Universiti Utara Malaysia or any other institutions of higher learning recognised by the University Senate; or any other equivalent qualification recognised by the University Senate; AND
  2. Minimum lima (5) tahun pengalaman kerja yang relevan dengan bidang yang dipohon DAN  
Have a minimum of five (5) years of work experience relevant to the chosen area of specialization AND
  3. Memenuhi keperluan Bahasa Inggeris sepertimana yang ditetapkan oleh Senat Universiti.  
Fulfill the English language requirement as set by the University Senate.
- \* Pengurus senior dengan ijazah sarjana muda daripada institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Senat Universiti dengan pengalaman sekurang-kurangnya sepuluh tahun (10) dalam bidang berkaitan boleh dipertimbangkan untuk kemasukan.  
Senior managers with a bachelor's degree from any institutions of higher learning recognized by the University Senate and with at least ten (10) years of relevant work experience may be considered for admission;

- n) tentang pandangan supaya pihak OYAGSB membuat perbandingan dengan Graduate School luar negara yang telah mendapat pengiktirafan AACSB.
- ii. bersetuju menangguhkan cadangan semakan kurikulum program Doktor Pentadbiran Perniagaan dan dibentangkan semula dalam Mesyuarat Senat yang akan datang dengan mengambilkira pandangan seperti di para (n) di atas.

**Dekan  
OYAGSB**